

19 MAY 2003

MAHATHIR-STRATEGI

KERAJAAN DALAM PERINGKAT AKHIR SEDIA STRATEGI MANTAPKAN EKONOMI

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pada masa ini berada pada peringkat akhir penyediaan strategi baru ke arah memantapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Kata beliau, kerajaan telah mengadakan beberapa siri dialog dengan pelbagai pihak dan input mereka akan diberi pertimbangan sewajarnya.

"Saya berharap semua pihak dapat bersabar. Pengumuman berkenaan akan di buat tidak beberapa lama lagi," kata Dr Mahathir pada majlis dialog Bajet 2004 di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata meskipun Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran, negara berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi 2002 meningkat sebanyak 4.2 peratus, iaitu menepati sasaran semasa pembentangan Bajet 2002.

Menurutnya, kejayaan ini adalah hasil daripada usaha negara melaksanakan dasar dan strategi ekonomi yang pragmatik.

Sejak krisis kewangan Asia 1997/98, dunia menghadapi satu demi satu peristiwa yang mengugat pertumbuhan ekonomi global termasuk peristiwa 11 Sept, serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Afghanistan, pencerobohan di Iraq dan yang terbaru, ancaman wabak SARS atau Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk.

"Kita juga menyaksikan kemelut skandal penipuan akaun berbilion-bilion dolar dan salah laku korporat di negara-negara maju yang dahulunya mengajar kita supaya lebih telus dan bersih," katanya.

Beliau berkata sejak krisis kewangan Asia, perbelanjaan awam telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan negara tidak mengalami kemerosotan dan di dalam persekitaran di mana sektor swasta agak lemah, kerajaan terpaksa mengambil langkah "expansionary".

Prospek ekonomi global pada 2003 tidak sebaik yang diharapkan dan keadaan yang tidak menentu terutama pergolakan yang berterusan di Asia Barat dan kini wabak SARS mengakibatkan pemulihan ekonomi dunia di jangka mengambil masa yang lebih lama.

"Bagi Malaysia, kita tidak dapat lari daripada menerima kesan kelembapan ekonomi dunia sebagaimana juga negara-negara rantau Asia yang lain.

Kita perlu mencari jalan untuk mengelak daripada kemeleletan dan bagi tahun ini, KDNK negara dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah daripada yang disasarkan semasa bajet 2003 tetapi melebihi paras yang dicapai dalam tahun 2002," tegas beliau.

Dr Mahathir menegaskan bahawa strategi yang telah digariskan dalam Bajet 2003 seperti meningkatkan daya saing, mencari pasaran baru dan mencipta produk baru perlu dilaksanakan dengan lebih gigih.

Sehubungan itu, katanya ide baru yang dikemukakan kepada kerajaan dalam dialog kali ini akan melengkapi strategi yang akan digubal bagi bajet 2004 yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan September serta juga strategi baru.

Menurutnya, asas ekonomi negara (economic fundamentals) terus kukuh, umpamanya rizab luar negara semakin meningkat dan berada pada paras melebihi AS\$36 bilion (RM136.8 bilion), lebihan dagangan berterusan selama 65 bulan berturut-turut sejak November 1997 dan kadar inflasi berada pada paras yang terkawal iaitu 1.0 peratus (0.7 peratus dalam bulan Mac 2003).

Dr Mahathir berkata sektor perbankan juga kukuh dengan hutang tak

berbayar (NPL) berkurangan ke paras tujuh peratus serta defisit Kerajaan Persekutuan dan hutang luar negara masih diparas mampan.

Tema bajet 2004 ialah "Menangani Persekitaran Luar Yang Tidak Stabil dan Memastikan Pencapaian Pertumbuhan Berterusan (Mitigating Destabilising External Environment and Ensuring Sustainable Growth)."

Perdana Menteri berkata tema itu dipilih setelah mengambil kira ketidaktentuan politik dan ekonomi dunia serta perdagangan antarabangsa yang wujud pada masa ini.

"Saya berharap kita akan mendapat ide-ide baru untuk bajet 2004. Seboleh-bolehnya tidak banyak permintaan bagi potongan cukai," katanya.

Seperti pada tahun lalu, dialog kali ini akan diadakan dalam empat sesi dengan sesi pertama melibatkan perbincangan mengenai isu-isu ekonomi makro dan sesi kedua dengan wakil sektor utama dalam ekonomi dan industri.

Sesi ketiga pula dengan pertubuhan sosial dan sesi keempat dengan menteri besar dan ketua menteri serta kelab penyokong kerajaan.--BERNAMA

MKO MAD SHO